

GPMS, Tri-tas Timber bangun projek perumahan belia RM1b

Monday, 11 January 2010

KUALA LUMPUR 10 Jan. - Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) dengan kerjasama syarikat pemaju perumahan, Tri-tas Timber Sdn. Bhd. bagi membangunkan projek perumahan belia melibatkan kos hampir RM1 bilion.

Projek yang dijangka siap dalam masa dua tahun itu dilaksanakan bagi membolehkan lebih ramai golongan belia Melayu memiliki rumah di negara ini.

Presiden Tri-tas Timber Sdn. Bhd., Datuk Nazrul Arshad berkata, fasa pertama projek tersebut akan melibatkan pembangunan 8,000 unit rumah di seluruh negara berharga RM78,800 seunit.

"Sebanyak 20 daripada 200 unit yang akan didirikan di setiap daerah itu akan diperuntukkan kepada golongan miskin tegar yang pemilihannya akan ditentukan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN).

"Kita memfokuskan kepada 40 daerah di Semenanjung terlebih dahulu yang projeknya akan disiapkan dalam tempoh dua tahun," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis makan malam bersama media dan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara GPMS dan Tri-tas Timber Sdn. Bhd. di sini malam ini.

Hadir sama Presiden GPMS, Jais Abdul Karim dan Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Firdaus Abdullah.

Dalam pada itu Jais berkata, GPMS sedia membantu pelajar-pelajar Melayu yang disenaraihitamkan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) untuk membuat rayuan kepada perbadanan itu.

Menurutnya, mereka boleh menghubungi GPMS melalui talian 03.40439948, e-mel kepada gpms_keb@yahoo.com atau hantar khidmat pesanan ringkas (SMS) kepada 010.5431472.